



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PEGUAM NEGARA

# KENYATAAN MEDIA

## KEPUTUSAN UNTUK MENUDUH SUSPEK-SUSPEK YANG TERLIBAT DALAM KES BULI ZARA QAIRINA

Jabatan Peguam Negara telah meneliti kertas siasatan kes kematian Zara Qairina yang dirujuk oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan telah membuat keputusan untuk menuduh beberapa orang suspek yang terlibat dalam kes buli Zara Qairina berdasarkan keterangan yang ada.

Keputusan untuk menuduh suspek-suspek bagi kesalahan buli berkenaan dibuat memandangkan pertuduhan tersebut tidak akan mengganggu proses inkues yang akan berjalan.

Jabatan ini menegaskan bahawa walaupun keputusan untuk menuduh suspek-suspek bagi kesalahan buli dibuat, namun keputusan tersebut tidak akan menjelaskan siasatan yang masih dijalankan oleh pihak PDRM berhubung kes kematian Zara Qairina, termasuk prosiding inkues yang akan dijalankan di mahkamah.

**PEGUAM NEGARA**

**18 OGOS 2025**